

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
PERMOHONAN BAGI SEMAKAN KEHAKIMAN NO: 25-48-11/2014**

Dalam perkara suatu permohonan oleh **THACHANAMOORTHY A/L PALANIANDY** [NO.KP 880528-01-5613] untuk mendapatkan kebenaran untuk suatu Deklarasi dan/atau Certiorari

DAN

Dalam Perkara Keputusan Pengerusi, Lembaga Pencegahan Jenayah bertarikh 15.08.2014 yang dibuat selaras dengan Seksyen 15 APJ Pencegahan Jenayah 1959

DAN

Dalam Perkara Artikal 5, 7 & 151 Perlembagaan Persekutuan

DAN

Dalam Perkara mengenai APJ Kehakiman 1964 dan Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

ANTARA

THACANAMOORTHY A/L PALANIANDY

... PEMOHON

DAN

1. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah

2. Ketua Polis Selangor

3. Ketua Polis Negara, Malaysia

4. Kerajaan Malaysia

**... RESPONDEN-
RESPONDEN**

ALASAN PENGHAKIMAN

(Semakan Kehakiman)

[1] Pemohon di dalam kes ini telahpun diberikan kebenaran pada 5.1.2015 untuk memulakan prosiding semakan kehakiman terhadap keempat-empat Responden.

[2] Melalui prosiding semakan kehakiman ini, Pemohon memohon kepada Mahkamah antara lain relif-relif/ perintah- perintah berikut:

- a. **Satu deklarasi bahawa sekatan Pemohon di Mukim Bagan Nakhoda Omar, Daerah Sabak Bernam, Selangor di bawah satu Perintah Pengawasan Polis bertarikh 15.8.2014 selaras dengan seksyen 15 APJ Pencegahan Jenayah 1959 adalah tidak sah dan terbatal;**

- b. **bahawa Pemohon bebas daripada syarat-syarat sekatan di bawah Perintah Pengawasan Polis bertarikh 15.8.2014; dan**

- c. **kos permohonan ini.**

LATAR BELAKANG KES

[3] Latar belakang yang mendorong Pemohon memulakan prosiding semakan kehakiman ini adalah seperti berikut:

3.1 Pada **25.06.2014** Pemohon telah ditangkap di bawah seksyen 3(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (APJ). Pada keesokan harinya iaitu **26.06.2014**, melalui suatu perintah reman di

bawah seksyen 4(1)(a) APJ, Pemohon telah ditahan untuk tempoh 21 hari sehingga **16.07.2014**.

3.2 Selaras dengan peruntukan Seksyen 9 APJ, pada **17.07.2014** jam **3.15 petang**, satu inkuiri telah dijalankan ke atas Pemohon oleh Pegawai Inkuiri (Lee Wai Yee). Setelah mendengar dan menimbangkan keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh Pemohon, Pegawai Inkuiri telah mendapati dan berpuas hati bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa Pemohon sebagai orang yang menjadi hal-perkara siasatan adalah orang yang menganggotai pertubuhan yang menyalahi undang-undang yang menggunakan upacara Triad dan oleh itu Pemohon adalah termasuk dalam Kategori Yang Boleh Didaftarkan, Perenggan 1(i) Bahagian I Jadual Pertama, Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297).

3.3 Pada **22-07-2014**, Pegawai Inkuiri telah mengemukakan sesalinan dapatannya menurut seksyen 10(2) APJ dan sesalinan Borang I di bawah seksyen 11(1) Akta tersebut

kepada Inspektor Polis Mohd Zairi Bin Baderul @ Badrol untuk diserahkan kepada Pemohon.

3.4 Kemudian daripada itu, pada **24.07.2014**, Pegawai Inkuiri telah mengemukakan laporan lengkapnya secara bertulis berserta dapatannya menurut seksyen 10(2) APJ tersebut kepada Lembaga Pencegahan Jenayah (Lembaga).

3.5 Pada **06.08.2014**, nama Pemohon telah didaftarkan dalam Daftar Jenayah oleh Pendaftar Penjenayah (Superintenden Polis Mohammad Azlin bin Sadari). Apabila Lembaga Pencegahan Jenayah (Lembaga) bersidang pada **15.08.2014**, Lembaga Pencegahan Jenayah telah membuat kesimpulan bahawa Pemohon adalah termasuk dalam Kategori Yang Boleh Didaftarkan di Perenggan 5, Bahagian 1, Jadual Pertama, APJ tersebut.

3.6 Pada hari yang sama Lembaga telah mengeluarkan Perintah Pengawasan Polis selaras dengan seksyen 15 APJ tersebut yang memerintahkan Pemohon ditempatkan di bawah

pengawasan polis bagi tempoh 3 tahun dan dikehendaki tinggal dalam kawasan Mukim Bagan Nakhoda Omar, Daerah Sabak Bernam, Negeri Selangor.

[4] Di dalam affidavit-afidavit menyokong permohonannya untuk semakan kehakiman, Pemohon telah mendakwa bahawa perintah tersebut adalah cacat dan defektif atas alasan terdapat ketakpatuhan peruntukan-peruntukan APJ iaitu:

- i. seksyen 3(1) dan (2)
- ii. seksyen 4(1) (a) dan (b);
- iii. seksyen 4(2)(a)(i) dan (ii)
- iv. seksyen 7B;
- v. seksyen 9 (1), 9(2) dan 9(3)
- vi. seksyen 10(2);
- vii. seksyen 12(1); dan
- viii. seksyen 15

[5] Pemohon juga telah mendakwa perintah tersebut telah dikeluarkan oleh Lembaga secara mekanikal tanpa diberi pertimbangan sewajarnya.

Ketakpatuhan di bawah seksyen 15(1) APJ

[6] Pemohon telah membangkitkan ketakpatuhan peruntukan seksyen 15(1) APJ di pihak Lembaga dengan meletakkan tanggungjawab ke atas Lembaga Pencegahan Jenayah bahawa sebelum mengeluarkan perintah tersebut Lembaga hendaklah berpuashati akan perkara-perkara berikut:

- i. Pemohon telah didaftarkan oleh Pendaftar Penjenayah**
- ii. Pemohon perlu diletakkan di bawah kawalan dan pengawasan dilaksanakan ke atas orang yang berdaftar tersebut.**
- iii. Pemohon diletakkan dibawah pengawasan polis tidak melebihi lima (5) tahun.**

[7] Adalah dihujahkan oleh peguam Pemohon bahawa perkataan penting iaitu **Lembaga perlu puas hati mengapa Pemohon perlu diletakkan di bawah kawalan dan pengawasan** telah tidak

dinyatakan di dalam perintah tersebut. Menurut peguam Pemohon dengan ketiadaan pernyataan atau perkataan-perkataan tersebut, Lembaga telah tidak menyatakan sebab-sebab spesifik keperluan Pemohon perlu dikawal dan diawasi. Justeru, menurut peguam Pemohon lagi peruntukan seksyen 15(1) APJ tersebut telah gagal dipatuhi oleh Lembaga.

[8] Bagi menyokong hujahannya, peguam Pemohon telah bersandarkan kes **Kumaresan Subramaniam v Dato' Chor Chee Hueng & Anor [2003] 4 CLJ 116.**

[9] Untuk menimbangkan samada terdapatnya ketakpatuhan di pihak Lembaga akan peruntukan seksyen 15, maka peruntukan seksyen 15 hendaklah diteliti. Seksyen 15 (1) memperuntukkan berikut:

“15. (1) The Board may by order direct that any registered person named in the order shall be subject to the supervision of the police for any period not exceeding five years, if the Board is satisfied that it is necessary that control and supervision be exercised over the registered person but that is not necessary to detain him and may renew any such order for a further period not exceeding five years at a time; and the registered person shall

be conveyed under police escort to the State district, mukim, town or village in which he is required to reside under subsection (2), if any.”

[10] Perkataan-perkataan yang digunakan oleh seksyen 15 (1) APJ, adalah **“The Board may by order direct that any registered person named in the order shall be subject to the supervision of the police for any period not exceeding five years, if the Board is satisfied that it is necessary that control and supervision be exercised....”**.

[11] Apa yang dibangkitkan oleh peguam adalah perkataan **“the Board is satisfied that it is necessary that control and supervision”** tidak dinyatakan di dalam Perintah tersebut.

[12] Bagi isu ini, Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Responden bahawa kes yang ada di hadapan Mahkamah ini perlu dibezakan dengan kes Kumaresan kerana di bawah seksyen 6(1) APJ Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, di dalam mengeluarkan suatu Perintah Tahanan terhadap Kumaresan, Menteri perlulah berpuas hati atas dua perkara iaitu:

- i. orang itu pernah ada atau sedang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya; dan
- ii. untuk orang itu perlu ditahan bagi ketenteraman awam.

[13] Di dalam kes Kumaresan ini, Mahkamah telah memutuskan perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri adalah defektif apabila Menteri gagal menyatakan di dalam perintahnya bahawa ia berpuashati bahawa Kumaresan perlu ditahan demi ketenteraman awam.

[14] Peruntukan seksyen 6(1) APJ Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ini adalah berbeza dengan peruntukan seksyen 15 APJ. Di bawah seksyen 15 APJ ini, memperuntukkan bahawa Lembaga boleh memerintahkan mana-mana orang yang telah didaftarkan namanya di dalam Daftar Jenayah untuk diletakkan di bawah pengawasan polis selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun. Di dalam afidavit yang diikrarkan oleh Dato' Ahmad Kamal Bin Md Shahid yang merupakan pengerusi Lembaga, telah dinyatakan beliau bahawa adalah di dalam pengetahuan Lembaga melalui

dokumentar bahawa pada tarikh 6.8.2014 nama Pemohon telahpun didaftarkan di dalam Rekod (Daftar) Pendaftaran Jenayah di mana terhadap Pemohon telah dikeluarkan satu Perintah Pengawasan untuk tempoh selama 3 tahun. Menurut Dato' Ahmad Kamal lagi berdasarkan fakta Perintah Pengawasan adalah untuk tempoh selama 3 tahun tersebut dan serta mengambil kira keperluan pencegahan jenayah yang lebih efektif dan pengawalan penjenayah-penjenayah dan orang-orang yang tidak diingini. Lembaga Pencegahan Jenayah telah berpuashati bahawa Pemohon perlu diletakkan di bawah kawalan dan pengawasan atas alasan keperluan pencegahan jenayah yang lebih efektif dan pengawalan penjenayah-penjenayah dan orang-orang yang tidak diingini.

[15] Berdasarkan pengataan tersebut, adalah menjadi dapatan Mahkamah ini bahawa Lembaga telah membuat keputusan selaras dengan keperluan seksyen 15 APJ dan ianya bukanlah suatu keputusan yang telah dibuat secara mekanikal.

[16] Walau apapun, adalah menjadi dapatan Mahkamah ini juga bahawa ketiadaan perkataan atau kehilangan ayat-ayat seperti yang

dibangkitkan oleh peguam Pemohon bukanlah sesuatu yang mencatitkan prosedur dan mencatitkan Perintah yang dikeluarkan Lembaga. (Sila lihat: **Kumaravel A/L Periasamy V Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri & 3 Lagi** [Mahkamah Persekutuan Rayuan Jenayah No. 05-120-2008 (A)])

Ketidakpatuhan seksyen 12(2) dan seksyen 12(1)(b) APJ

[17] Peguam Pemohon telah menghujahkan bahawa di dalam mendaftarkan nama Pemohon di dalam Daftar Jenayah menurut seksyen 12(1)(a) APJ, Pegawai Inkuiri dan Pendaftar Jenayah telah tidak bertindak menurut peruntukan undang-undang dengan alasan bahawa berdasarkan affidavit Pendaftar Jenayah (Superintenden Mohd Azlin bin Sadari), beliau telah mendaftarkan nama Pemohon di dalam Daftar Jenayah kerana telah Pegawai Inkuiri telah melaporkan kepadanya nama Pemohon perlu didaftarkan selaras dengan seksyen 12(1)(a) APJ. Di dalam perkara ini, menurut peguam Pemohon, tindakan Pendaftar Penjenayah di dalam mendaftarkan nama Pemohon di dalam Daftar adalah berasaskan pengataan Pegawai Inkuiri dan bukannya berasaskan pengesahan oleh

Lembaga seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APJ.

[18] Seterusnya adalah diujahkan oleh peguam Pemohon bahawa Pegawai Inkuiri tidak mempunyai kuasa untuk memaklumkan Pendaftar Penjenayah supaya nama Pemohon didaftarkan dalam Daftar Jenayah.

[19] Seksyen 12(1)(a) dan (b) APJ memperuntukkan berikut:

“12. (1) The Registrar shall keep a Registrar for the purpose of this Act, in which shall be entered the name of every person –

(a) who is reported by an Inquiry Officer to be a person in respect of whom there are reasonable grounds for believing that he is a member of any of the registrable categories; and

(b) who has not requested any review under section 11, or in respect of whom the Board has confirmed the finding made under subsection 10(2) or made or confirmed the decision under paragraph 10(3)(b),

together with such other particulars as may be prescribed....”

[20] Seksyen 12(1)(a) jelas memperuntukkan bahawa Pendaftar hendaklah menyimpan suatu Daftar bagi maksud APJ yang mana hendaklah dimasukkan nama setiap orang yang dilaporkan oleh seorang Pegawai Inkuiri (Siasatan) yang mana ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa seorang itu adalah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan.

[21] Di dalam hal ini, nampaknya peguam Pemohon telah khilaf di dalam pembacaan peruntukan seksyen 12(1)(a) ini. Fakta yang jelas dan tidak langsung dipertikaikan di dalam kes ini adalah bahawa Pemohon sememangnya **TIDAK MEMINTA ATAU MEMOHON KAJIAN SEMULA** seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 11 APJ.

[22] Perlu Mahkamah ini nyatakan di sini bahawa pendaftaran nama mana-mana orang di dalam Daftar Jenayah menurut seksyen 12(1) APJ tersebut hanya akan dilakukan oleh Pendaftar Penjenayah dalam dua keadaan seperti berikut:

- (i) nama orang yang telah dilaporkan oleh Pegawai Inkuiri (pegawai siasatan) terdapatnya alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa Pemohon adalah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan **{seksyen 12(1)(a)}**
- (ii) nama mana-mana orang yang tidak memohon kajian semula di bawah seksyen 11, atau nama mana-mana orang yang mana Lembaga telah mengesahkan dapatan yang dibuat menurut subseksyen 10(2) atau dibuat atau pengesahan keputusan yang dibuat di bawah perenggan 10(3)(b). **{seksyen 12(1)(b)}**

[23] Apa yang jelas di sini adalah sekiranya tiada permohonan kajian semula dibuat oleh Pemohon di bawah seksyen 11, maka tidak timbul isu bahawa Pendaftar Penjenayah telah mendaftar nama Pemohon atas makluman yang dibuat oleh Pegawai Inkuiri.

[24] Justeru di dalam kes ini tidak timbul suatu tindakan yang tidak selaras dengan undang-undang dan 'ultra vires' seperti yang dibangkitkan oleh Pemohon kerana pendaftaran nama Pemohon

telah disempurnakan selaras dengan undang-undang iaitu pendaftaran nama Pemohon oleh Pendaftar Penjenayah menurut seksyen 12(1)(a) yang menyatakan tanggungjawab Pendaftar Penjenayah menyimpan suatu daftar yang dilaporkan oleh seorang Pegawai Siasatan yang mana ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dia adalah seorang anggota mana-mana kategori anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan.

[25] Pengataan peguam Pemohon bahawa Lembaga yang sepatutnya memasukkan nama Pemohon itu ke dalam Daftar adalah tidak silap. Di bawah APJ, bukanlah menjadi suatu tugas Lembaga untuk memaklumkan Pendaftar berkenaan perkara tersebut.

[26] Di dalam hal pendaftaran nama di dalam Daftar Jenayah di bawah APJ ini, peruntukan adalah jelas bahawa sebelum Lembaga boleh mengeluarkan apa-apa perintah di bawah seksyen 15 APJ terhadap mana-mana orang, nama orang itu hendaklah terlebih dahulu didaftarkan ke dalam Daftar Jenayah.

[27] Di bawah APJ, kuasa untuk mendaftarkan nama mana-mana orang ke dalam Daftar Jenayah adalah terletak kepada Pendaftar. Menurut seksyen 2 APJ, Pendaftar telah ditakrifkan sebagai Pendaftar Penjenayah yang dilantik di bawah seksyen 3 Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang yang Tidak Diingini 1969. Justeru, adalah menjadi tugas Pendaftar bagi memaklumkan bahawa nama Pemohon telah didaftarkan di dalam Daftar Jenayah tersebut. Pendaftar adalah dikehendaki menyimpan suatu daftar bagi nama mana-mana orang yang hendak didaftarkan apabila Pegawai Siasatan telah melaporkan bahawa terdapatnya alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dia adalah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan dan tiada kajian semula dibuat.

[28] Kes **Hanizam Hassan v. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors [2015] 5 CLJ** yang disandarkan oleh peguam Pemohon berbeza dengan kes yang ada di hadapan Mahkamah ini kerana di dalam kes Hanizam, Hanizam telah memohon untuk kajian semula di bawah seksyen 11 APJ tersebut. Pemohon di hadapan Mahkamah ini tidak berbuat sedemikian.

[29] Peguam cuba menghujahkan bahawa di dalam kes Hanizam, Mahkamah Rayuan yang telah mendengar rayuan Rayuan No: R-01(A)-123/04/15 pada **3 Ogos 2015** telah bersetuju dengan hujahan peguam bela Hanizam bahawa "Responden telah bersetuju subseksyen 10(3)(b) merujuk kepada subseksyen 10(1) dan bukan Subseksyen 10(2)".

[30] Apa yang nyata di dalam kes di hadapan Mahkamah ini subseksyen 10(3)(b) yang ditimbulkan di dalam kes Hanizam adalah tidak relevan kerana di dalam kes ini peruntukan yang dirujuk adalah peruntukan subseksyen 10(2) APJ. Maka keperluan pembacaannya dan bersama dengan subseksyen 10(1) APJ tidak timbul.

[31] Oleh itu, isu ketidakpatuhan prosedur di pihak Responden yang dibangkitkan peguam Pemohon ini tidak mempunyai asas atau merit.

Pendaftaran Penama oleh Pendaftar Penjenayah Tidak Teratur

[32] Peguam Pemohon telah membangkitkan isu bahawa Lembaga perlulah berpuas hati dengan pendaftaran nama Pemohon di dalam Daftar Jenayah. Bagi Mahkamah ini, isu yang dibangkitkan adalah suatu isu yang tidak bermerit. Bagi Mahkamah ini, penelitian kepada kenyataan di dalam Perintah Pengawasan yang dikeluarkan oleh Lembaga adalah mencukupi untuk menjelaskan kepuasan hati Lembaga sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 15 APJ.

[33] Berhubung dengan kepuasaan hati Lembaga Pencegahan Jenayah ini, peguam telah merujuk Mahkamah ini kepada kes **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam [1993] 4 CLJ 336** di mana di dalam kes Lee Gee Lam ini Mahkamah Rayuan telah mengesahkan keputusan Pesuruhjaya Kehakiman yang membenarkan permohonan Habeas Corpus. Atas alasan bahawa daripada perintah tahanan yang dikeluarkan, ianya kabur dan samar-samar samada Timbalan Menteri telah sebenar-benarnya mengambil ingatan akan keadaan-keadaan yang tertentu dalam setiap kes responden atau samada beliau telah mengamalkan kuasa penahanan beliau secara mekanikal.

[34] Mahkamah ini bersependangan dengan peguam Responden bahawa kes yang dirujuk oleh peguam Pemohon itu perlu dibezakan dengan kes di hadapan Mahkamah. Ini adalah kerana di dalam kes Lee Gee Lam, isu yang ditimbulkan adalah berkenaan kepuasan hati Menteri untuk menimbangkan bahagian-bahagian di bawah mana beliau bertindak bagi menentukan kerelevanan bahagian tersebut. Di bawah seksyen 4 Ordinan (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah Darurat) 1969 {Ordinan} sebelum Menteri boleh mengeluarkan apa-apa Perintah Tahanan, Menteri hendaklah mempertimbangkan dan mengambil kira bahagian-bahagian tersebut.

[35] Ini adalah berbeza dengan Perintah Pengawasan yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah seksyen 15 APJ. Di bawah APJ tiada sebarang keperluan undang-undang untuk Lembaga mempertimbangkan mana-mana bahagian sebelum mengeluarkan suatu Perintah Pengawasan.

[36] Justeru, adalah menjadi dapatan Mahkamah ini bahawa keperluan pertimbangan Menteri sebelum mengeluarkan Perintah Tahanan di

bawah seksyen 4 Ordinan tidak hadir di dalam pengeluaran Perintah Pengawasan oleh Lembaga di bawah APJ.

Kelambatan Serahan Dapatan Inkuiri

[37] Peguam Pemohon telah membangkitkan bahawa terdapat kelewatan penyerahan Dapatan inkuiri kepada Pemohon. Peguam telah menghujahkan bahawa Dapatan inkuiri tersebut telah tidak diserahkan dengan serta-merta kepada Pemohon seperti yang dikehendaki di bawah APJ. Untuk hujahan ini, peguam Pemohon telah juga merujuk kepada kes Hanizam. Menurut peguam Pemohon di dalam kes Hanizam terdapat kelewatan di pihak Responden menyerahkan salinan Dapatan Pegawai Inkuiri kepada Hanizam selama 2 hari di mana di dalam kes Hanizam ini bagi kelewatan penyerahan 2 hari, Hakim Mahkamah Tinggi telah memutuskan berikut:

“[6] “...Berlaku kelewatan dua hari untuk menyerahkan salinan dapatan pegawai inkuiri kepada pemohon. Parlimen telah menetapkan dibawah s.10(2) Akta bahawa dapatan perlu diserahkan ‘serta-merta’. Oleh itu, Responden-Responden telah gagal mematuhi peruntukan s. 10(2) Akta. Malahan, alasan yang diberikan oleh Sukri yang kononnya terikat dengan tugas rasmi lain tidak boleh diterima...”

[38] Di dalam penyerahan Dapatan inkuiri kepada Pemohon, berdasarkan subseksyen 10(2), terdapat dua individu atau pihak yang terlibat iaitu-

- (a) Pegawai Inkuiri (bertanggungjawab untuk) -
 - (i) membuat laporan berhubung dengan alasan-alasan bahawa seseorang itu adalah ahli kepada mana-mana kategori berdaftar berserta dapatannya kepada Lembaga; dan
 - (ii) menyerahkan salinan Dapatan tersebut kepada Pegawai yang mempunyai jagaan ke atas subjek; dan

- (b) Pegawai yang mempunyai jagaan ke atas subjek bertanggungjawab untuk menyerahkan salinan dapatan Pegawai Inkuiri kepada subjek (Pemohon dalam kes ini).

[39] Di dalam kes ini, Pegawai yang mempunyai jagaan ke atas Pemohon (ASP Mohd Zairi bin Baderul @ Badrol) telah menyerahkan salinan Dapatan kepada Pemohon pada **23-07-2014 pada jam 2.30 petang** walaupun salinan Dapatan tersebut telah diterimanya pada **22-07-2014**. Menurut ASP Mohd Zairi, beliau telah menerima salinan Dapatan tersebut pada lewat petang **22-07-2014** di Putrajaya dan perjalanan dari Putrajaya ke Kulaijaya pastinya mengambil masa dan beliau telah sampai di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kulaijaya, Johor pada lewat malam. Di samping itu, apabila tiba lewat malam pula, peraturan lokap tidak membenarkan Pemohon dikeluarkan daripada lokap pada lewat petang selepas pukul 6 petang.

[40] Mengenai masa dan kelewatan dengan alasan munasabah atau tidak, Mahkamah Rayuan di dalam kes **Keng Kien Hock V. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors. [2007] 5 CLJ 171**, telah memutuskan antara lain:

"Subsequently the Supreme Court further expound the position established that "whoever caused the delay must explain the delay" in the case of **TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI MALAYSIA V. LIAU NYUN FUI & ORS. [1991] 1 CLJ 458; ([1991] 7 CLJ**

(REP) 458 [TAG C] wherein his lordship Hamid Omar, the Lord President at p.462 (p.463) stated the following:

"In the light of the judgment in Phua Hing Lai's case the position in law seems to be that when no time frame is prescribed then anything that shall be done under s. 2(ii) shall be done with all convenient speed. Accordingly in respect of situation (1), the further enquiry and the issue of the restriction order shall be effected with all convenient speed. What constitutes convenient speed would depend on the circumstances of each case. In respect of situation (2), where the Timbalan Menteri does not deem it necessary for any further enquiry he ought to proceed thereafter, that is, after the detention, to make the restriction order with all convenient speed. The correct test to be applied therefore is not on the basis of unreasonable delay but convenient speed. The learned Judicial Commissioner determined the question before him on the basis of unreasonable delay. This was not a proper approach. The question that was before him was whether the Timbalan Menteri in the particular circumstance of that case had acted with all convenient speed in making the restriction order. Strictly it was for the respondent to show that the Timbalan Menteri had not so acted and not for the

Timbalan Menteri to provide an explanation acceptable to the Court.

[7] It is clear based on the principles enunciated in the above mentioned two cases, **THE APPLICABLE APPROACH TO BE ADOPTED IS FIRSTLY, THE APPROPRIATE TEST IS NOT ON THE DELAY IN CARRYING OUT THE LEGAL OBLIGATION BUT RATHER ON WHETHER THE LEGAL OBLIGATION WAS CARRIED OUT WITH ALL CONVENIENT SPEED UNDER THE CIRCUMSTANCES OF THE CASE.** In other words, it is whether the Minister or Deputy Minister has acted reasonably. And, secondly, the burden of establishing the performance of the legal obligation under such circumstances remained on the applicant, the restricted person and never shifted to the respondent, the Minister.

[8] We are of the view that **in order to arrive at a correct finding of fact as to whether the legal obligation was carried out with all convenient speed under the circumstances of such particular case, it shall be the duty of the trial judge to look into all the affidavit evidence adduced by the parties in the proceeding.** On this point, in the present case we find the learned Judicial Commissioner had specifically made reference to the length of days taken by the Deputy Minister in order to perform the legal task under s. 2 of the Act in the various originating summons filed by the respective

appellants which were simultaneously heard together by him in which he stated as follows:..."

[41] Di dalam kes **Keng Kien Hock** ini, Mahkamah Rayuan telah menyatakan pendekatan atau ujian yang sepatutnya dan sesuai digunakan berhubung tempoh masa pelaksanaan obligasi yang diperuntukkan di bawah undang-undang adalah ketentuan tempoh masa tersebut bukan sahaja atas kelewatan melaksanakan obligasi undang-undang tersebut tetapi juga samada obligasi undang-undang tersebut telah dilaksanakan dengan kesegeraan atau kelajuan selesa dengan mengambilkira keadaan-keadaan yang merangkumi kes tersebut (convenient speed under the circumstances of the case).

[42] Dalam erti kata lain, pada dasarnya obligasi di bawah undang-undang hendaklah dilaksanakan dengan serta merta dengan sedaya upaya, namun sekiranya tidak dilaksanakan serta-merta, kelewatan mestilah diukur dengan menentukan samada obligasi undang-undang tersebut telah dilaksanakan dengan kesegeraan atau kelajuan selesa dengan mengambilkira keadaan-keadaan yang merangkumi kes tersebut. Untuk itu, Mahkamah perlulah

menimbangkan dan menentukan kesemua keterangan fakta dan dokumentar yang telah dikemukakan di hadapannya bagi menentukan samada obligasi undang-undang tersebut telah dilaksanakan dengan kesegeraan atau kelajuan selesa.

[43] Perlu dinyatakan bahawa di dalam kes Hanizam yang dirujuk oleh peguam Pemohon, Hakim Mahkamah Tinggi telah tidak menerima alasan kelewatan penyerahan Dapatan selama 2 hari dengan alasan terikat dengan tugas rasmi. Di dalam kes ini ianya berbeza, salinan Dapatan tidak dapat diserahkan serta-merta kepada Pemohon pada 22.7.2014 atas alasan-alasan yang diberikan oleh ASP Mohd Zairi. Bagi Mahkamah ini, penyerahan salinan Dapatan pada keesokan hari setelah sampai lewat malam memanglah tidak serta-merta tetapi dengan menggunakan ujian Mahkamah Rayuan di dalam kes **Keng Kien Hock**, penyerahan salinan Dapatan keesokan harinya dengan alasan-alasan yang diberikan oleh ASP Mohd Zairi adalah merupakan alasan-alasan yang munasabah dan konkrit serta boleh diterima.

[44] Namun apapun, adalah menjadi dapatan Mahkamah ini juga penyerahan salinan Dapatan kepada Pemohon keesokan hari iaitu pada 23.7.2014 tidak langsung menafikan hak Pemohon ataupun memprejudiskan Pemohon ataupun menjadikan Dapatan Pegawai Inkuiri itu defektif dan tidak konklusif ataupun menjadikan Perintah Pengawasan yang dikeluarkan oleh Responden terbatal.

[45] Di dalam kes ini, ianya adalah jelas bahawa tidak ada sebarang ketakpatuhan seksyen 10(2) APJ di pihak Responden.

Ketidakpatuhan seksyen 10(4) APJ

[46] Seksyen 10(4) memperuntukkan berikut:

“...

(4) If the Board makes a decision under paragraph (3)(b), it shall forward a copy of its decision to the officer having custody of the person, who shall forthwith serve a copy of the decision of the Board on that person.”

[47] Seksyen 10(4) ini perlu dibaca bersama dengan peruntukan seksyen 10(1) di mana:

“10. (1) If the Inquiry Officer is satisfied that there are no sufficient grounds for believing that the person who was the subject of the inquiry is a member of any of the registrable categories, he shall report his finding, together with his reasons for it, to the Board, and shall forward a copy of his finding to the officer having custody of the person, who shall forthwith serve a copy of the finding of the Inquiry Officer on that person.”

[48] Kes di hadapan Mahkamah ini adalah melibatkan dapatan yang telah dibuat oleh Pegawai Inkuiri menurut seksyen 10(2) dan bukannya menurut seksyen 10(1). Oleh itu, di dalam kes Pemohon, seksyen 10(1) adalah tidak relevan. Maka, apabila seksyen 10(1) adalah tidak relevan, pemakaian seksyen 10(4) juga menjadi tidak relevan. Justeru, isu ketidakpatuhan seksyen 10(4) APJ yang dibangkitkan peguam Pemohon adalah tidak berasas dan tidak mempunyai merit.

Kegagalan mematuhi seksyen 7B APJ

[49] Peguam Pemohon telah juga membangkitkan bahawa Pelantikan Pengerusi Responden dan ahli Lembaga Pencegahan Jenayah telah dibuat secara tidak sah dan tidak teratur. Namun pengataan ini tidak disokong dengan apa-apa keterangan yang menjadi dasar atau asas

pengataan tersebut. Maka, Mahkamah ini berpandangan pengataan peguam Pemohon ini adalah suatu pengataan kosong dan tidak berasas.

[50] Walau apa pun, di dalam affidavit Dato' Ahmad Kamal, beliau telah mendeposkan bahawa pelantikan beliau dan ahli Lembaga Pencegahan Jenayah telahpun dibuat secara sah oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

[51] Berbalik pula kepada prinsip undang-undang berkaitan dengan sesuatu permohonan untuk semakan kehakiman, Menurut APJ semakan kehakiman hanya boleh dibenarkan sekiranya terdapat ketidakpatuhan atas prosedur. Ini jelas diperuntukkan di bawah seksyen 15A APJ yang berbunyi berikut:

15A. (1) There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or finding or decision made by the Board in the exercise of its discretionary power in accordance with this Act, except in regard to any question to compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.

(2) In this Act, "judicial review" includes proceedings instituted by way of –

- (a) an application for any of the prerogative orders of *mandamus*, prohibition and *certiorari*;
- (b) an application for a declaration or an injunction; or
- (c) any other suit, action or other legal proceedings relating to or arising out any act done or decision made by the Board in accordance with this Act.

[52] Prinsip undang-undang mengenai semakan kehakiman juga adalah jelas dan jitu. Ini dapat dilihat kepada kes-kes yang telah diputuskan di bawah ini:

Sila lihat: i. **Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [2005] 3 CLJ 914-**

"In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is duty of the courts to apply them. So, in a *habeas corpus* application where the detention order of the Minister made under section 4(1) of the Ordinance or, for that matter, the equivalent sections in ISA 7960 and DD(SPM) Act 1985, the first thing that the courts should do is to see whether the ground forwarded is one that

falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down the procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non compliance thereof and only then that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance."

- ii. **Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors V, Ong Beng Chuan [2006] 4 CLJ 703.** Mahkamah di dalam kes ini telah merujuk keputusan di dalam kes **Muhammad Jailani Kassim V. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2006] 4 CLJ 687** yang mana di dalam penghakiman kes ini di perenggan [6] dan [7] telah menggariskan keadaan di mana sesuatu ketidakpatuhan apa-apa prosedur yang dikategorikan sebagai keperluan prosedur mandatori yang membolehkan mahkamah untuk membatalkan sesuatu keputusan yang dibuat. Dalam kes tersebut, mahkamah telah memutuskan bahawa **jika suatu keperluan prosedur itu tidak mengakibatkan ketidakadilan yang ketara** kepada Pemohon, maka

ia hanya bersifat directori dan mahkamah tidak akan membatalkan perintah yang dikeluarkan atas ketidakpatuhan ini. Perenggan [6] dan [7] di dalam penghakiman **Muhammad Jailani Kassim** diperturunkan di bawah ini:

"[6] The resultant matter for consideration is whether the breach is subject to judicial review. A right to judicial review when there is a breach of a procedural requirement in the making of a detention order under the Act was considered by this court in Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2006] 4 CLJ 687 FC in the following words: The effect of a breach of such procedural requirements had been considered in a number of cases. See, for example, Puvaneswaren v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor [1991] 3 CLJ 649 (Rep); [1991] 2 CLJ 1199; [1991] 3 MLJ 28; Low Teng Hai v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Others [1992] 2 CLJ (Rep) 816 and Aw Ngoh Leang v. Inspector General of Police [1993] 1 CLJ 373; [1993] 1 MLJ 65. It has been recognised in these cases that a procedural requirement maybe mandatory or directory. A mandatory requirement is one that goes to the root of the matter and is of direct relevance to the detention order. The breach of a mandatory requirement will render the detention order invalid without the need to establish any prejudice. The breach of a procedural requirement which is directory will not be significant provided that there is substantial compliance with the rules with no prejudice having been suffered by the

detainee. However it must be observed that the power of the Court to intervene is limited to only matters of compliance with procedural requirements by section 11C(1) of the Act which reads as follows:

There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with this Act, save in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.

It is clear that the section restricts judicial review to only questions on compliance with any procedural requirement governing any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power. Such procedural requirements can only be ones that will go to the root of the matter and be of direct relevance to the making of the detention order. The section only refers to a question of compliance with procedural requirements without subjecting it to any prejudice having been suffered. The test, therefore, in determining whether a breach can be subjected to judicial review is whether it is in compliance with any procedural requirement governing any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with the Act without the need to

establish any prejudice. Such a determination will be greatly facilitated, though not decisively, by a consideration of the effect of the statutory provision that has been breached, that is to say, whether it is mandatory or directory in nature.

[7] ...

In District Board Kheri v. Abdul Majid Khan AIR [1930] Judh 434 it was held that Where the prescription of an Act relates to the performance of a duty by a public officer the breach of such prescription when it does not cause any real injustice does not invalidate the act done under the Act and therefore such prescriptions are merely directory. This is particularly so in this case as there is no requirement that the communication must be made by the officer in charge personally. After all s. 9(2) of the Act only provides that for the purpose of enabling a person to make representation he shall be informed of that right. It does not say that the communication must be made by any specified officer. It follows that the fact that the requirements of r. 3(2), (3) and (4) were performed by a person who is not the officer in charge does not invalidate the act done.”

[53] Di dalam kes ini, berdasarkan alasan-alasan di atas, adalah menjadi dapatan Mahkamah ini bahawa ketidakpatuhan-ketidakpatuhan yang dibangkitkan peguam Pemohon tidak timbul sama sekali dan

dakwaan-dakwaan Pemohon tidak mempunyai merit. Maka, dengan ini, Mahkamah ini menolak permohonan semakan kehakiman Pemohon dengan kos. Pemohon adalah diperintahkan untuk membayar kepada Responden-Responden kos sebanyak RM5000.00.

t.t.

.....
(DATUK AZIMAH BINTI OMAR)

Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Bertarikh 20haribulan November 2015

Peguam Pemohon	-	Tetuan Sundarajan & Associates Encik S.Sundarajan
Peguam Responden- Responden	-	Peguam Kanan Persekutuan Kementerian Dalam Negeri Puan Sofiah binti Mohmad Sopah